

25/06/2003

Ahli Parlimen Bandar Kuching letak jawatan

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Bandar Kuching, Datuk Song Swee Guan dari Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), parti anggota Barisan Nasional (BN) meletakkan jawatannya berkuat kuasa Khamis lalu.

Perkara itu diumumkan Timbalan Speaker Dewan Rakyat Datuk Mohamad Abdullah pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Song diisytiharkan muflis oleh Mahkamah Tinggi Kuching pada 9 Mei lalu.

Mengulas peletakan jawatan Song, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pilihan raya kecil tidak perlu diadakan kerana kekosongan itu berlaku dalam tempoh kurang dua tahun sebelum mandat kerajaan sekarang tamat pada November 2004.

"Oleh kerana tempoh itu kurang dua tahun, maka tidak perlu pilihan raya kecil diadakan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen selepas membentangkan usul mengenai Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (pindaan) 2003, semalam.

Artikel 36 (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan menyatakan sesuatu kekosongan luar jangka, seperti kematian anggota dewan, tidak perlu diisi jika kekosongan itu berlaku dalam tempoh dua tahun terakhir mandat sesuatu dewan melainkan diberitahu sebaliknya oleh Speaker.

Song, yang dipilih sebagai Ahli Parlimen Bandar Kuching sejak 1995, diisytiharkan muflis setelah gagal menyelesaikan hutang lebih RM300,000 kepada tiga pihak iaitu RHB Bank (RM14,012.80), Tiong Soon Kok (RM150,000) dan Sim Ah Bah (RM180,186.39).

Mohamad berkata, Song menghantar surat peletakan jawatan pada 19 Jun lalu dan dengan itu beliau tidak lagi menjadi Ahli Parlimen sejak tarikh itu.

Kelmarin, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, berkata Song masih kekal sebagai Ahli Parlimen sehingga anggota Dewan Rakyat membuat keputusan mengenai statusnya.

Sementara di Kuching, Presiden SUPP, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata peletakan jawatan Song tidak menjejaskan parti kerana beliau bukan ahli parti berkenaan.

Katanya, SUPP sudah dimaklumkan mengenai kedudukan Song sejurus menerima surat muflis daripada mahkamah awal bulan ini dan ia bukan lagi menjadi isu kepada parti.

"Undang-undang cukup jelas. Orang yang diisytihar muflis tidak boleh memegang sebarang jawatan baik dalam parti mahupun kerajaan," katanya yang ditemui pemberita di Miri, semalam.

Berikutan tindakan mahkamah, Song menarik diri sebagai ahli parti awal tahun ini, selain meletakkan jawatan sebagai Naib Presiden dan Pengerusi SUPP Bahagian Padungan sebelum perhimpunan agung parti akhir tahun lalu.

Mengenai persediaan menghadapi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Bandar Kuching, Dr Chan berkata, partinya mempunyai calon yang sesuai jika pilihan raya diadakan.

Sementara itu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Sarawak sudah menyerahkan surat Mahkamah Tinggi Kuching berhubung keputusan muflis Song kepada ibu pejabatnya di Kuala Lumpur.

Pegawai Pilihan Raya Negeri, Nordin Che Ngah, berkata pihaknya menyerahkan kepada ibu pejabat untuk membuat keputusan mengenai Song yang gagal menyelesaikan hutang sebanyak RM300,000.

"SPR negeri menghantar surat yang diterima daripada Mahkamah Tinggi Kuching mengenai pengisytiharan muflis Song pada 6 Mei lalu.

"Kita menyerahkan kepada ibu pejabat untuk menentukan keputusan yang perlu diambil, iaitu sama ada kerusi berkenaan dibiarkan kosong atau satu pilihan raya kecil diadakan," katanya.